A

KALAM WAHID lwn. MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-12-11-2015]
1 APRIL 2016

B

PROSEDUR JENAYAH: *Habeas corpus – Permohonan – Pemohon ditangkap di bawah s. 4(1) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 – Nama pemohon didaftarkan dalam Daftar Penjenayah sebelum dapatan pegawai inkuiri disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ') – Sama ada ketidakpatuhan peruntukan s. 12(1) Akta – Sama ada LPJ perlu mengesahkan terlebih dahulu sebelum nama pemohon didaftarkan dalam Daftar Penjenayah walaupun pemohon tidak memohon kajian semula – Sama ada writ habeas corpus dibenarkan*

C

D

Ini adalah permohonan pemohon untuk writ *habeas corpus* di bawah peruntukan s. 365 Kanun Tatacara Jenayah. Pemohon ditangkap oleh sepasukan polis mengikut s. 4(1) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('Akta') dan ditahan reman selama 28 hari. Walau bagaimanapun, pemohon tidak dituduh dengan apa-apa pertuduhan walaupun tempoh reman telah tamat. Sebaliknya, pada 24 Mei 2015, pemohon

E

ditangkap semula di bawah s. 3 Akta dan dikemukakan di hadapan Majistret untuk ditahan reman selama 21 hari mulai 25 Mei 2015 hingga 14 Jun 2015. Selepas itu, pemohon dikemukakan semula di hadapan Majistret untuk ditahan reman selama 38 hari dari 11 Jun 2015 hingga 18 Julai 2015. Sebaik sahaja perintah reman dikeluarkan, pegawai inkuiri menjalankan siasatan

F

terhadap pemohon dan menyediakan satu dapatan di bawah s. 10(2) Akta yang menyatakan bahawa pemohon seorang yang namanya boleh dimasukkan dalam Daftar Penjenayah. Pemohon mengisi Borang 1 yang diserahkan kepadanya berserta dengan dapatan tersebut dan tidak bercadang membuat kajian semula berhubung dapatan tersebut. Pegawai inkuiri

G

kemudian mengemukakan salinan dapatan berserta laporan lengkap dan Borang 1 kepada Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ'). Pada 15 Julai 2015, Pendaftar Penjenayah Jenayah memaklumkan kepada LPJ bahawa nama pemohon telah pun diDaftar Penjenayahkan. Berdasarkan Pendaftar Penjenayahan tersebut, LPJ bersidang pada 16 Julai dan mengeluarkan

H

perintah tahanan selama dua tahun mulai 16 Julai 2015 di bawah s. 19A Akta. Isu yang dibangkitkan oleh pemohon adalah bahawa responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta kerana 'MenDaftar Penjenayahkan nama pemohon dalam Daftar Penjenayah sebelum dapatan disahkan oleh LPJ'.

I

Diputuskan (membenarkan lampiran (2) dengan kos):

(1) Apabila tafsiran statut dibaca melibatkan kebebasan individu, ia perlu dibaca untuk faedah pemohon. Frasa 'atau berkenaan dengannya' di bawah s. 12(1)(b) Akta termasuk juga seseorang yang tidak memohon kajian semula di bawah s. 11 Akta. Peruntukan s. 10(2) Akta memerlukan pengesahan LPJ terlebih dahulu. Oleh itu, bagi maksud peruntukan s. 12(1)(b) Akta, LPJ perlu mengesahkan terlebih dahulu sebelum nama pemohon didaftarkan dalam Daftar Penjenayah. Seksyen 10(2) Akta tidak mengecualikan seseorang yang tidak memohon kajian semula. (perenggan 44 & 45)

(2) Nama pemohon telah dimasukkan dalam Daftar Penjenayah sebelum LPJ bersidang pada 16 Julai 2015. LPJ perlu mengesahkan terlebih dahulu sebelum nama pemohon didaftarkan, walaupun pemohon memilih untuk tidak membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta. Oleh itu, responden-responden gagal mematuhi prosedur mandatori yang diperuntukkan di bawah s. 12 Akta dan dengan itu, permohonan writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap pemohon dengan serta merta. (perenggan 45-47)

Kes-kes yang dirujuk:

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

Sathiyamurthi v. Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah [2006] 4 CLJ 862 FC ***(dirujuk)***

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 365
Prevention of Crime Act 1959, ss. 3, 10(2), 11, 12(1)(a), (b), 19A
Security Offences (Special Measures) Act 2012, ss. 4(1), (5)

Bagi pihak pemohon - Zamri Ibrahim; T/n Zamri Ibrahim & Co
Bagi pihak responden-responden - Shafinaz Salleh; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Ini merupakan permohonan oleh pemohon untuk writ *habeas corpus* di bawah peruntukan s. 365 Kanun Tatacara Jenayah.

[2] Pemohon telah ditahan di bawah satu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) mengikut peruntukan s. 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta itu).

[3] Mahkamah ini pada 1 April 2016 telah membenarkan permohonan oleh pemohon di lampiran (2) tanpa kos.

[4] Perayu-perayu yang tidak berpuas hati telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia. Rayuan ini telah diDaftar Penjenayahkan sebagai Mahkamah Persekutuan Permohonan Jenayah No: 05-119-05-2016 (R).

Latar Belakang Kes

[5] Pemohon pada mulanya telah ditangkap oleh sepasukan polis mengikut peruntukan di bawah s. 4(1) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Akta 2012) di Pusat Tahanan Polis, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

[6] Seterusnya pemohon telah ditahan reman selama 28 hari di bawah s. 4(5) Akta 2012 dan siasatan dijalankan menjurus kepada penglibatan kegiatan pengganas dan menyokong Islamic State (IS) di Syria. Pemohon tidak dituduh dengan apa-apa pertuduhan walaupun tempoh reman telah tamat.

[7] Pemohon tidak dibebaskan walaupun tempoh reman tamat di bawah Akta 2012 telah tamat. Sebaliknya, pemohon pada 24 Mei 2015 telah ditangkap di bawah s. 3 Akta itu. Pemohon kemudiannya pada 25 Mei 2015 telah dikemukakan di hadapan Tuan Ashraf Rezal bin Abdul Manan, Majistret, Mahkamah Majistret (Jenayah 2), Kuala Lumpur untuk tempoh selama 21 hari mulai 25 Mei 2015 hingga 14 Jun 2015.

[8] Pemohon kemudiannya dikemukakan di hadapan Tuan Majistret yang sama untuk tahanan selama 38 hari bermula dari 11 Jun 2015 hingga 18 Julai 2015.

[9] Sebaik perintah reman tersebut dikeluarkan pada 11 Jun 2015, perkara ini dimaklumkan kepada pegawai inkuiri iaitu Puan Nor Jamilah Shuhadah binti Tohet. Pada 18 Jun 2015, pegawai inkuiri telah menjalankan siasatan atas pemohon di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya.

[10] Pada 23 Jun 2015, pegawai inkuiri telah menyediakan satu dapatan di bawah s. 10(2) Akta itu yang menyatakan pemohon seorang yang namanya boleh dimasukkan di dalam Daftar Penjenayah. Dapatan tersebut bersama Borang I telah diserahkan kepada pemohon oleh Insp Ahmad Shafez bin Aidil pada 23 Jun 2015.

[11] Pemohon telah mengisi Borang I tersebut dan tidak bercadang membuat kajian semula berhubung dapatan yang dibuat ke atasnya.

[12] Pada 14 Julai 2015, pegawai inkuiri telah mengemukakan salinan dapatan berserta laporan lengkap dan Borang I yang telah diisi oleh pemohon kepada LPJ.

[13] Pada 15 Julai 2015, LPJ telah memaklumkan kepada Pendaftar Penjenayah Jenayah berkaitan laporan pegawai inkuiri serta pemohon tidak meminta kajian semula dijalankan bagi maksud menDaftar Penjenayahkan nama pemohon mengikut peruntukan s. 12 Akta itu.

[14] Pada tarikh yang sama iaitu 15 Julai 2015, Pendaftar Penjenayah Jenayah telah memaklumkan LPJ nama pemohon telah pun diDaftar Penjenayahkan.

[15] Berdasarkan Pendaftar Penjenayahan tersebut, LPJ telah bersidang pada 16 Julai 2015 dan setelah mempertimbangkan laporan pegawai inkuiri, LPJ telah berpuas hati bahawa tahanan perlu ke atas pemohon demi kepentingan kententeraman awam dan keselamatan awam. LPJ mengeluarkan perintah tahanan selama dua tahun mulai 16 Julai 2015 di Pusat Pemulihan Khas (PPK), Pokok Sena, Kedah Darul Aman di bawah s. 19A Akta itu.

[16] Pemohon kemudiannya telah dibawa ke PPK, Pokok Sena, Kedah Darul Aman dan berjumpa pegawai yang menjaga (PYM) PKK tersebut. PYM kemudiannya telah menyerahkan dengan tiga salinan Borang I kepada pemohon bagi membolehkan pemohon membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

[17] Representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 11 Ogos 2015 jam 9 pagi dan pemohon pada ketika itu tidak diwakili peguam. Selanjutnya pada 18 Ogos 2015, Lembaga Penasihat membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) yang telah memperkenankan perintah tahanan tersebut. YDPA pada 25 Ogos 2015 memperkenankan syor Lembaga Penasihat.

Merit Permohonan Oleh Pemohon

[18] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit permohonan oleh peguam pemohon yang terpelajar, eloklah mahkamah ini merujuk nas duluan yang memberikan panduan dalam menggarap dan merungkai perkara sebegini iaitu melibatkan kebebasan individu. Mahkamah ini merujuk kes *Sathiyamurthi v. Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah* [2006] 4 CLJ 862 di mana YA Augustine Paul HMP menyatakan:

> Thus in a writ of *habeas corpus* the question for the court to determine is whether the person is lawfully detained. If he is, the writ cannot be issued and if he is not, it must be issued (see *R v. Home Secretary, Ex parte Greene* [1941] 3 All ER 104). The lawfulness of a detention would depend upon whether the breach complained of is mandatory or directory. A mandatory requirement is one that is of direct relevance to the detention. A breach

of it will entitle a person to a writ of *habeas corpus* without the need to establish prejudice. A breach of a requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance and there is no prejudice.

[19] Mahkamah ini perlu melihat kepada peruntukan atau prosedur yang telah pun ditetapkan di bawah Akta itu sama ada terdapat perlanggaran oleh responden-responden sebelum mengeluarkan perintah tahanan tersebut di bawah s. 19A Akta itu. Mahkamah ini turut merujuk kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129 di mana Mahkamah Persekutuan membuat pengamatannya:

> Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must strictly construed and safeguards which the law provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with procedure established by law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defect which may invalidate the order which deprived the deponent of his liberty.

[20] Responden-responden mempunyai beban tugas untuk memuaskan mahkamah ini iaitu semua prosedur atau tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta itu dipatuhi. Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Gopal Sri Ram HMP dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 menyatakan:

> [5] In my considered judgment the point at stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for *habeas corpus*. It is settled law that on an application for *habeas corpus* the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See, *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals* [1988] 1 LNS 162. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art. 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art. 151:
>
> > It is enough for the detainee to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court

that the detention of the petitioner/detainee was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).

[21] Berbekalkan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini akan menghalusi dan menimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan oleh peguam pemohon yang terpelajar bagi mencabar perintah tahanan tersebut.

[22] Peguam pemohon yang terpelajar menumpukan hujahannya atas satu isu tunggal iaitu responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 12(1) Akta itu kerana "menDaftar Penjenayahkan nama pemohon dalam Daftar Penjenayah sebelum dapatan disahkan oleh LPJ".

Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[23] Peguam pemohon yang terpelajar memfokuskan penghujahannya kepada peruntukan s. 12(1)(a) dan (b) Akta itu. Responden-responden gagal mematuhinya apabila nama pemohon didaftar di dalam Daftar Penjenayah sebelum ia disahkan oleh LPJ sebaik pemohon tidak berhasrat untuk membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta itu.

[24] Peguam pemohon yang terpelajar merujuk afidavit Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid, Pengerusi, LPJ khususnya perenggan 4, 6, 7 dan 9 yang merujuk perkara-perkara berikut:

(i) LPJ menerima dapatan dari pegawai inkuiri pada 14 Julai 2015;

(ii) Nama pemohon diDaftar Penjenayahkan dalam Daftar Penjenayah pada 15 Julai 2015;

(iii) LPJ bersidang pada 16 Julai 2015 dan mengesahkan dapatan; dan

(iv) LPJ mengeluarkan perintah tahanan tersebut pada 16 Julai 2015.

[25] Peguam pemohon yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada tarikh-tarikh yang dinyatakan di (i) hingga (iv), dihujahkan berlakunya pelanggaran syarat ketat di bawah s. 12(1) Akta itu. Pemohon telah didaftar dalam Daftar Penjenayah pada 15 Julai 2015 iaitu sebelum dapatan oleh pegawai inkuiri disahkan oleh LPJ yang hanya bersidang pada 16 Julai 2015.

[26] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan tindakan mendaftar nama pemohon dalam Daftar Penjenayah sebelum dapatan disahkan oleh LPJ ia merupakan ketidakpatuhan peruntukan s. 12(1) Akta itu. Beliau bersandarkan keputusan mahkamah ini dalam kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 yang memutuskan:

[121] Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam isu ini. Mahkamah ini berpendapat tindakan PenDaftar Penjenayah yang menDaftar Penjenayahkan nama pemohon

lebih awal iaitu pada 2 Jun 2014 sebelum ianya disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah merupakan suatu ketidakpatuhan prosedur yang memihak kepada pemohon.

[27] Peguam pemohon yang terpelajar tidak bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar berkaitan isu ini. Tiada peruntukan di dalam Akta itu yang memberi kuasa nama pemohon terus didaftar dalam Daftar Penjenayah hanya berdasarkan laporan pegawai inkuiri.

[28] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pegawai inkuiri hendaklah melaporkan alasan-alasan bersama dapatannya kepada LPJ. Perkataan "hendaklah" jelas menunjukkan laporan tersebut mandatori dan terdapat "check and balance" bagi menentukan kebenarannya. Sehubungan dengan itu ditegaskan dapatan seorang pegawai inkuiri tiada kesan perundangan selagi tidak disahkan oleh LPJ.

[29] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pegawai inkuiri hendaklah melaporkan dapatannya kepada LPJ untuk pengesahan sebelum nama pemohon didaftar dalam Daftar Penjenayah walaupun pemohon tidak meminta kajian semula di bawah peruntukan s. 11 Akta itu. Peguam pemohon yang terpelajar tidak bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar yang menyatakan pemohon yang tidak bercadang membuat kajian semula, tiada keperluan untuk mengesahkan dapatan oleh LPJ sebelum nama pemohon didaftar dalam Daftar Penjenayah. Nama pemohon telah didaftar dalam Daftar Penjenayah pada 15 Julai 2015 sebelum LPJ mengesahkannya pada 16 Julai 2015.

[30] Peguam pemohon yang terpelajar selanjutnya menghujahkan sekiranya benar pendekatan PP yang terpelajar dalam isu ini, bagi maksud peruntukan s. 12(1) Akta itu dan pemohon tidak memilih kajian semula, berdasarkan laporan pegawai inkuiri nama pemohon terus didaftar dalam Daftar Penjenayah tanpa pengesahan LPJ terlebih dahulu.

[31] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan ia bukan maksud sebenar peruntukan s. 12(1) Akta itu kerana ia bercanggah dengan peruntukan s. 10(2) Akta itu. Peruntukan s. 10(2) Akta itu memerlukan pegawai inkuiri membuat laporan kepada LPJ terlebih dahulu. Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan perkataan "yang dilaporkan" yang digubal di bawah s. 12(1)(a) Akta itu merujuk kepada "dilaporkan" kepada LPJ bagi maksud peruntukan s. 10(2) Akta itu walaupun pemohon tidak meminta kajian semula.

[32] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan frasa "... atau berkenaan dengannya" di bawah s. 12(1)(b) Akta itu merujuk kepada "yang tidak meminta kajian semula" di bawah s. 11 Akta itu. Niat Parlimen terserlah apabila di bawah s. 12(1) Akta itu tiada peruntukan bagi Lembaga

memaklumkan Pendaftar Penjenayah berkaitan laporan pegawai inkuiri. Beliau merujuk kepada perenggan 6 afidavit yang diikrarkan oleh pengerusi LPJ yang menyatakan:

> 6. Pada 15-07-2015, Lembaga Pencegahan Jenayah telah memaklumkan kepada PenDaftar Penjenayah bahawa Pemohon telah dilaporkan oleh Pegawai Inkuiri iaitu NOR JAMILAH SHUHADAH BINTI TOHET yang menyatakan bahawa beliau berpuashati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon orang yang menjadi hal-perkara siasatan ialah orang yang menganggotai kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan-perlakuan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan iaitu pakatjahat jenayah, oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam Katogeri Yang Boleh Didaftar Penjenayahkan dibawah Perenggan 2 Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta tersebut. Selanjutnya Lembaga Pencegahan Jenayah turut memaklumkan PenDaftar Penjenayah Jenayah bahawa Pemohon tidak meminta kajian semula dibawah seksyen 11 Akta tersebut untuk tujuan memasukkan nama Pemohon ke dalam Buku Daftar Penjenayah di bawah subseksyen 12(1) Akta tersebut. Selanjutnya, Lembaga Pencegahan Jenayah telah dimaklumkan oleh PenDaftar Penjenayah Jenayah bahawa nama Pemohon telah didaftar di dalam Daftar Penjenayah dibawah subseksyen 12(1) Akta tersebut oleh PenDaftar Penjenayah pada hari yang sama iaitu 15-07-2015.

[33] Peguam pemohon yang terpelajar mengakhiri penghujahannya dengan menegaskan Pendaftar Penjenayah hanya boleh memasukkan nama pemohon dalam Daftar Penjenayah selepas pegawai inkuiri membuat laporan kepada LPJ. LPJ kemudiannya mengesahkan terlebih dahulu sebagaimana yang diperuntukkan dalam s. 10(2) dan s. 12(1)(b) Akta itu.

Penghujahan Peguam Persekutuan (PP) Yang Terpelajar

[34] PP yang terpelajar dalam hujahannya mengambil pendirian yang berbeza berkaitan pemakaian peruntukan s. 12(1) Akta itu apabila melibatkan pemohon yang tidak bercadang membuat kajian semula.

[35] PP yang terpelajar secara panjang lebar telah menyentuh isu ini dalam hujahannya. Mahkamah ini berpendapat ianya memadai sekadar untuk merumuskan intipati hujahan PP yang terpelajar bagi tujuan penghakiman ini.

[36] PP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 12 Akta itu mempunyai dua senario yang berbeza kerana terdapat perkataan "atau" di sub-s. 12 (1)(b) Akta itu. Senario pertama wujud apabila mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan dapatan yang dibuat oleh pegawai inkuiri dan membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta itu. Senario kedua wujud apabila pemohon tidak meminta kajian semula di bawah s. 11 Akta itu kerana berpuas hati dengan dapatan oleh pegawai inkuiri.

[37] PP yang terpelajar menghujahkan bagi senario pertama, peruntukan s. 11 dan s. 12 Akta itu perlu dibaca bersekali. Mengikut peruntukan s. 11 Akta itu, pemohon dalam tempoh 14 hari selepas diserahkan dapatan boleh memohon LPJ untuk kajian semula di bawah s. 10(2) Akta itu. LPJ selanjutnya membuat kajian semula selepas mendapat nasihat seorang pegawai undang-undang untuk mengesahkan dapatan di bawah s. 10(2) Akta itu atau mengakaskan dapatan itu. Selepas LPJ mengesahkan dapatan, barulah Pendaftar Jenayah mendaftarkan nama pemohon dalam Daftar Penjenayah tersebut.

[38] PP yang terpelajar menegaskan senario kedua wujud apabila pemohon tidak bercadang membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta itu. Pegawai inkuiri telah memaklumkan ada alasan-alasan yang munasabah untuk mendaftarkan nama pemohon di bawah s. 12 Akta itu. Dalam senario kedua ini, tiada keperluan untuk LPJ mengesahkan dapatan sebagaimana yang dihujahkan oleh PP yang terpelajar.

[39] PP yang terpelajar tidak bersetuju dengan cara pembacaan peguam pemohon yang terpelajar yang menyatakan frasa "atau berkenaan dengannya" dalam s. 12(1)(b) Akta itu merujuk kepada "yang tidak meminta kajian semula".

[40] PP yang terpelajar menghujahkan terdapat tanda "(koma)" selepas s. 11, secara jelas terdapat pembacaan dua limb yang berbeza bagi s. 12(1)(b) Akta itu disebabkan tanda koma. Sekiranya seseorang terlibat dalam senario pertama ia tergolong dalam limb kedua dan apabila seseorang terlibat dalam senario kedua sepertimana kes pemohon ini, ia termasuk dalam limb pertama.

[41] PP yang terpelajar akhirnya menghujahkan responden-responden tidak melakukan apa-apa pelanggaran peruntukan s. 12(1) Akta itu sebagaimana yang dijadikan asas serangan perintah tahanan tersebut.

Pendapat Mahkamah Ini

[42] Mahkamah ini berpendapat eloklah diperturunkan peruntukan s. 12 Akta itu bagi kemudahan rujukan yang berbunyi seperti berikut:

> 12 Pendaftaran orang-orang yang dipercayai menjadi anggota-anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan.
>
> (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftar bagi maksud Akta ini, yang di dalamnya dimasukkan nama setiap orang:
>
> (a) yang dilaporkan oleh seorang Pegawai Siasatan adalah seorang yang berkenaan dengannya ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan; dan

(b) Yang tidak meminta kajian semula di bawah seksyen 11, atau berkenaan dengan nya Lembaga telah mengesahkan dapatan yang dibuat dibawah subseksyen 10(2) atau dibuat atau mengesahkan keputusan itu di bawah perenggan 10(3)(b), bersama dengan butir-butir lain sebagaimana yang ditetapkan.

[43] Mahkamah ini telah meneliti secara mendalam penghujahan bertulis peguam pemohon yang terpelajar dan PP yang terpelajar. Peguam pemohon yang terpelajar telah membangkitkan isu ketidakpatuhan peruntukan s. 12(1) Akta itu oleh responden-responden.

[44] Persoalan utama yang diketengahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar melibatkan cara pembacaan peruntukan s. 12(1)(b) Akta itu di mana perlu dibaca memihak kepada pemohon. Mahkamah ini berpendapat apabila tafsiran statut perlu dibaca melibatkan kebebasan individu, ianya perlu dibaca untuk faedah pemohon. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar yang cuba memberikan cara bacaan peruntukan s. 12(1)(b) Akta itu kepada dua senario semata-mata atas alasan terdapat tanda koma yang memberikan perbezaan antara seseorang yang memohon kajian semula dan yang tidak memohon kajian semula.

[45] Mahkamah ini berpendapat bacaan yang disarankan oleh peguam pemohon yang terpelajar harus dipatuhi iaitu frasa "atau berkenaan dengannya" di bawah s. 12(1)(b) Akta itu termasuk juga seseorang yang tidak memohon kajian semula di bawah s. 11 Akta itu. Mahkamah ini bersetuju peruntukan s. 10(2) Akta itu memerlukan pengesahan LPJ terlebih dahulu. Mahkamah ini berpendapat bagi maksud peruntukan s. 12(1)(b) Akta itu LPJ perlu mengesahkan terlebih dahulu sebelum nama pemohon didaftarkan dalam Daftar Penjenayah. Mahkamah ini juga telah meneliti peruntukan s. 10(2) Akta itu tidak mengecualikan seseorang yang tidak memohon kajian semula sebagaimana yang dihujahkan oleh PP yang terpelajar. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu nama pemohon telah dimasukkan dalam Daftar Penjenayah sebelum LPJ bersidang pada 16 Julai 2015. Mahkamah ini bersetuju prinsip yang sama dalam kes *Hanizam Hassan (supra)* terpakai walaupun pemohon memilih untuk tidak membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta itu.

Kesimpulan

[46] Mahkamah ini telah membincangkan alasan tunggal pemohon mencabar perintah tahanan tersebut iaitu responden-responden gagal mematuhi prasyarat s. 12(1)(b) Akta itu. Mahkamah ini sependapat dengan pendirian peguam pemohon yang terpelajar, LPJ perlu mengesahkan terlebih dahulu sebelum nama pemohon didaftarkan walaupun pemohon memilih untuk tidak membuat kajian semula di bawah s. 11 Akta itu.

A **[47]** Mahkamah ini berpendapat responden-responden telah gagal mematuhi prosedur mandatori yang diperuntukkan di bawah s. 12 Akta itu. Mahkamah ini membenarkan permohonan writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap pemohon dengan serta merta. Mahkamah ini membenarkan lampiran (2) tanpa kos.

B

C

D

E

F

G

H

I